

21/03/1997

PBT dilarang halau penjaja

IPOH, Khamis - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah tidak menghalau atau memindahkan lebih 200,000 penjaja berlesen di seluruh negara sebelum pusat penjaja lebih selesa dan setempat dibina.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata penjaja terbabit perlu dibenarkan terus beroperasi di tapak sedia ada atau sementara sehingga ditempatkan semula ke tapak tetap.

Berikutan itu, katanya setiap PBT perlu mengenal pasti serta memilih tapak tetap yang sesuai serta tidak menimbulkan masalah, termasuk kesesakan lalu lintas apabila beroperasi kelak.

"Kerajaan mengarahkan PBT mengenal pasti tapak sesuai bagi tujuan itu tetapi sebelum penjaja ditempatkan semula atau pusat penjaja setempat dibina, mereka tidak wajar dipindahkan dulu.

"Ini bagi mengelak masalah kepada 200,000 penjaja berlesen di seluruh negara menanggung lebih sejuta orang ahli keluarga," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan surat khabar dan kempen menanam pokok di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Gunung Rapat, di sini hari ini.

Beliau mengulas rancangan kerajaan untuk menempatkan semula semua penjaja tepi jalan di seluruh negara ke medan selera atau tapak lebih sesuai secara berperingkat, bermula di Kuala Lumpur.

Menurut Dr Ting, kerajaan mahu memastikan semua penjaja tepi jalan menjalankan perniagaan di pusat penjaja atau medan selera setempat untuk mengurangkan masalah kebersihan dan kesesakan lalu lintas.

"PBT akan mengenal pasti tapak sesuai untuk membina pusat penjaja atau medan selera, manakala bangunan besar serta kompleks komersil perlu menyediakan sendiri tapak bagi tujuan itu.

"Medan selera itu pula perlu disediakan kemudahan seperti paip air dan tempat membasuh tangan, manakala penjaja digalakkan menggunakan peralatan makan pakai buang untuk mengekalkan kebersihan premis serta mengelak kes keracunan makanan," katanya.

Beliau berkata, langkah itu demi kebaikan penjaja sendiri dalam usaha memperbaiki tahap kebersihan serta beroperasi dalam kawasan lebih bersih, walaupun penjaja dan pengguna terpaksa membayar lebih untuk itu.

Mengenai teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Bandar MEC di Pahang, Isnin lalu, yang mahu kerajaan negeri mengetepikan keuntungan jangka pendek dalam usaha menarik pelaburan besar-besaran ke negeri mereka, Dr Ting berkata, langkah itu wajar menjadi panduan PBT.

Menurut Dr Ting, ingatan Perdana Menteri jelas yang mana PBT boleh menyegerakan keputusan atau kelulusan kepada pemaaju perumahan, selagi mematuhi syarat dan peraturan.

(END)